

# Rakan dialog: Cara Australia tidak disenangi

BH 5 NOV 2002

USAHA Australia untuk menjadi rakan dialog peringkat Sidang Kemuncak Asean menerusi jalan belakang gagal apabila pemimpin Asean sepakat tidak membuat keputusan mengenainya pada Sidang Kemuncak Asean Kelapan di Phnom Penh semalam.

Walaupun mendapat sokongan beberapa negara anggota yang membangkitkan perkara itu untuk kali pertama, beberapa negara anggota lain menyatakan rasa tidak senang hati dengan cara Australia cuba mendapat status sama seperti India.

Mereka juga mempertikaikan mengapa Australia sebagai negara maju dengan jumlah penduduk yang kecil berbanding India ingin menjadi rakan dialog peringkat sidang kemuncak Asean.

Beberapa pemimpin negara anggota menegaskan



bahawa cadangan menjadikan Australia rakan dialog peringkat sidang kemuncak seharusnya dikemukakan terlebih dulu pada mesyuarat peringkat pegawai kanan dan menteri.

Hanya apabila mesyuarat peringkat pegawai kanan membincangkan perkara itu barulah ia dikemukakan pada peringkat menteri dan seterusnya kepada Sidang Kemuncak Asean untuk diputuskan pemimpin Asean.

Idea Sidang Kemuncak Asean-Australia itu dipercayai dicadangkan oleh Singapura yang baru saja memeterai perjanjian perdagangan bebas (FTA) dengan Australia.

Australia kini tidak disenangi beberapa negara anggota berikutan tindakan negara itu selepas peristiwa serangan bom di Bali, Indonesia, bulan lalu yang meragut hampir 200 nyawa, kebanyakan rakyat Australia.

Australia juga melihat beberapa negara Asean, khususnya Indonesia, sebagai tidak mengambil langkah perlu bagi membanteras keganasan yang dikaitkan dengan kumpulan Islam.

Malah negara itu juga menggolongkan Malaysia sebagai negara yang tidak selamat dilawati rakyatnya, seolah-olah menunjukkan negara ini sebagai pusat keganasan.

Asean kini menghadapi cabaran hebat globalisasi dan perlu menumpukan perhatian kepada usaha integrasi di kalangan negara anggota.

Malah, laporan Kajian Daya Saing Asean oleh McKinsey & Company turut menekankan kepada keperluan Asean memperkukuhkan mekanisme dalamannya bagi bersaing dalam dunia yang semakin mencabar.

Justeru, tumpuan pertubuhan 10 negara anggota itu perlu diarahkan kepada usaha integrasi dan keutamaan seharusnya diberikan kepada keperluan pembangunan negara anggota baru Asean seperti Myanmar, Laos, Vietnam dan Kemboja.

Inilah yang ditegaskan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kepada sembilan rakan setugasnya yang lain.